

SOP PENGOPERASIAN STUDIO UiTM CAWANGAN TERENGGANU



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Tempoh Operasi	: 1- 3 jam
Waktu Operasi	: 8.00 pagi – 5.00 petang
Kapasiti Studio	: 2 orang (penganjur/tetamu) 2 orang (kru)

Penganjuran yang TIDAK DIBENARKAN

- Ada penonton secara fizikal
- Sukar mengawal keadaan sesak/perilaku
- Penganjuran di kawasan PKPD
- Individu program adalah *Patient Under Surveillance (PUS)* / *Patient Under Investigation (PUI)*, dari kawasan Zon Merah tidak dibenarkan hadir

Mematuhi Arahan Tetap

- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian Pengajian Tinggi
- Peraturan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan
- SOP-SOP berkaitan di bawah Universiti Teknologi MARA

Dikemaskini : 28 Jun 2021

Tindakan	Langkah Keselamatan COVID-19
Deklarasi Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Semua kru, penganjur, tetamu studio yang hadir perlu mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID 19 UiTM, mengimbas kod QR lokasi di aplikasi https://saringc19.uitm.edu.my/ dan MySejahtera di pintu utama UiTMCT (Pos A). Hanya keputusan kategori D/E dibenarkan masuk. • Kru, penganjur, tetamu studio yang tidak mempunyai telefon pintar direkodkan secara manual menggunakan Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM. • Pengidap penyakit kronik, berumur 70 tahun dan ke atas, berimuniti rendah serta kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan hadir.
Saringan Suhu Badan	<ul style="list-style-type: none"> • Suhu badan diambil di pintu utama UiTM (Pos A). Suhu melebihi 37.5 C dan bergejala seperti demam, batuk dan sesak nafas tidak dibenarkan masuk.
Rekod Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Semua kru, penganjur, tetamu studio hendaklah mengimbas kod QR lokasi Studio UiTMCT dan MySejahtera atau merekod nama dan no telefon secara manual di dalam Borang Kehadiran Pelawat sebelum memasuki studio. • Rekod kehadiran manual disimpan selama tiga (3) bulan dan diserahkan jika diminta berbuat demikian.
Ruang Dalam Studio	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan cecair pembersih tangan (hand sanitizer). • Menyediakan notis had bilangan kehadiran maksimum iaitu empat (4) orang dalam satu-satu masa. • Melakukan disinfeksi di dalam ruang studio termasuk peralatan dan tempat sentuhan tinggi sebelum dan selepas penganjuran program. • Memastikan studio mempunyai pengudaraan yang baik. • Menyediakan penandaan penjarakan sosial di dalam studio dengan menyusun dan menanda kedudukan kerusi dengan jarak dua (2) meter. • Menyediakan notis peringatan keselamatan COVID-19 di dalam studio. • Penyediaan makanan secara berbungkus.
Kawalan Penularan dan Jangkitan	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai tetamu luar bukan warga UiTMCT hendaklah mendapat kelulusan dari Rektor dan perlu diserahkan kepada Pejabat PB selepas mendapat kelulusan Rektor untuk rujukan kawalan keselamatan. • Hanya kru, penganjur, tetamu yang terlibat sahaja dibenarkan berada di dalam studio. Maksimum empat (4) orang sahaja dalam satu-satu masa. • Memastikan tangan dibersihkan dengan kerap dengan cecair pembersih tangan (<i>hand sanitizer</i>). • Semua kru, penganjur, tetamu studio yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka (<i>face mask</i>) sepanjang masa termasuk <i>backstage/front of house</i> kecuali semasa membuat persembahan/temubual. • Sesi fotografi dengan mengamalkan penjarakan sosial. • Mengelakkan daripada 3S iaitu bersesak, ruang sempit/rapat/tertutup dan sembang (perbualan) dalam jarak yang dekat. • Mengelak bersalaman atau bersentuhan dengan orang lain. • Mengelakkan perkongsian makanan/barang. • Dilarang berkumpul atau berhimpun di luar/dalam studio sebelum atau selepas selesai program. • Digalakkan membersihkan diri/menukar baju apabila kembali di rumah. • Pihak studio membuat taklimat pematuhan SOP kepada kru/tetamu yang hadir sebelum program.